

MATAHARI menambah tenaganya

Mengikuti pemerhatian sains, bagi tempoh setiap satu bilion tahun, matahari akan mengeluarkan tenaganya 10 peratus lebih banyak atau matahari menjadi 10 peratus lebih cerah berbanding sebelumnya. Nilai 10 peratus mungkin tidak terlalu besar tetapi ianya boleh membawa padah kepada bumi kita.

Sains masih tidak dapat mengenal pasti apakah kesan daripada pertambahan 10 peratus peningkatan pengeluaran tenaga matahari pada bilion-bilion tahun yang mendatang. Pun begitu, andaian awal dapat memberikan gambaran bahawa tenaga lebih daripada matahari akan menyebabkan lebih banyak air lautan dan air di permukaan bumi meruap lalu terperangkap di dalam atmosfera bumi kita.

Wap air yang meruap dan terperangkap di dalam atmosfera bumi kita akan bertindak seperti gas rumah hijau yang akan

menyebabkan air lautan dan air di permukaan bumi meruap dengan lebih pesat. Sebelum matahari kehabisan bahan bakarnya iaitu kehabisan gas hidrogen, kepanasan yang meningkat daripada matahari sebenarnya berupaya untuk memecahkan molekul air yang berada di atmosfera bumi. Keadaan itu menyebabkan wap air berubah bentuk menjadi hanya sebagai gas hidrogen dan gas oksigen sahaja.

Pemecahan molekul-molekul air kepada gas hidrogen dan gas oksigen semata-mata bermakna, air semakin hilang dari atmosfera bumi. Ia diburukkan lagi dengan bertambahnya kehilangan air dari lautan dan air permukaan bumi kerana kesan rumah hijau yang telah meningkatkan kadar air meruap ke atmosfera. Hasilnya, bumi semakin kehilangan lebih banyak air dan akan menjadi semakin bertambah kering.

Peningkatan 10 peratus kecerahan matahari bagi setiap

satu bilion tahun bermakna dalam tempoh 3.5 bilion tahun dari sekarang, matahari kita akan menjadi hampir 40 peratus lebih cerah berbanding sekarang. Keadaan tersebut boleh menyebabkan lautan bumi menggelelak, ais di kutub menjadi cair dan kesemua lembapan di atmosfera bumi hilang dan lesap. Bumi akan menjadi sangat panas, sangat kering dan gersang serta tidak sesuai lagi untuk sebarang kehidupan iaitu seumpama keadaan di planet Zuhrah pada hari ini.

Penjelasan oleh Jillian Scudder telah memberikan isyarat bahawa bumi dan semua kehidupan di atasnya boleh musnah sekitar 3.5 bilion tahun daripada sekarang. Dan, itu menggambarkan bumi akan musnah 1.5 bilion tahun lebih awal sebelum kejadian matahari menelan bumi akibat daripada kejadian matahari kehabisan bahan bakarnya yang dijangka akan berlaku lima bilion tahun dari sekarang. Walau bagaimanapun, penjelasan oleh Jillian Scudder tersebut adalah sebenarnya masih pada skala yang kecil iaitu pada skala di pusat sistem suria yang jauh lebih kecil berbanding dengan saiz alam semesta yang amat luas dari satu pinggir ke satu lagi pinggirnya.

Adakah kemusnahan bumi juga bermaksud kemusnahan keseluruhan alam semesta yang jauh lebih besar? Ianya masih boleh diperbahaskan dengan lebih lanjut lagi.

Semasa menjadi 'Raksasa Merah', matahari akan mengembang dan saiznya akan mencecah sehingga ke orbit planet Marikh lalu akan menelan planet Utarid, Zuhrah dan bumi. Dengan semata-mata bersandarkan kepada teori pengembangan matahari semasa ia kehabisan bahan bakarnya itu. Sains menjangkakan bahawa bumi akan musnah ditelan oleh matahari semasa matahari bertukar menjadi sebuah 'Raksasa Merah' kira-kira lima bilion tahun dari sekarang.

Walaupun apa pun yang diperbahaskan setakat ini, apa yang pasti adalah fenomena ini amat menyerupai fenomena kematian manusia itu sendiri. Umum menyetujui bahawa setiap yang hidup akan pasti mati jua akhirnya dan terdapat riwayat yang menyatakan bahawa umur Nabi Nuh itu sendiri mencecah kepada seribu tahun yang berakhir dengan bilangan pengikutnya hanya 14 orang sahaja. Manusia akhir zaman pula mempunyai umur yang jauh lebih pendek iaitu



sekitar 60 tahun sahaja dengan keistimewaan boleh mencecah sehingga ke 100 tahun atau lebih sedikit sahaja. Walaupun 60 tahun mahupun 1,000 tahun, namun Allah sahajalah yang mengetahui saat tempoh hayat sebenar seseorang sehinggalah ke saat-saat terakhirnya.

Dan, sesungguhnya ia adalah rahsia maha besar hanya milik yang Maha Agung. Walaupun lima bilion tahun mahupun 3.5 bilion tahun dari sekarang, atau mungkin lebih hampir lagi kepada saat-saat berlakunya kiamat, pengetahuan tersebut adalah dalam genggaman dan hanya milik yang Maha Agung semata-mata seperti firman-Nya di dalam Surah al-A'raf Ayat 187:

"Mereka bertanya kepadamu tentang hari kiamat: 'Bilakah masa datangnya?' Katakanlah: 'Sesungguhnya pengetahuan mengenai hari kiamat itu adalah di sisi Tuhanmu, tiada sesiapa pun yang dapat menerangkan keadaannya pada waktunya melainkan Dia. Hari kiamat itu amatlah berat di langit dan di bumi; ia tidak datang kepadamu melainkan secara mengejut.' Mereka bertanya kepadamu seolah-olah engkau sedia mengetahuinya. Katakanlah: 'Sesungguhnya pengetahuan mengenai kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya.'"

Wallaahu'alam. A

